

IKLAN PENAWARAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)



IKLAN KEKOSONGAN PREMIS MILIK UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

DIMAKLUMKAN BAHAWA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) MEMPELAWA ANDA
UNTUK MENGISI KEKOSONGAN BAGI SEWAAN TAPAK DAN PERKHIDMATAN MESIN LAYAN DIRI
SEPERTI BERIKUT:-

BIL	LOKASI	JENIS MESIN LAYAN DIRI	SEWA SEBULAN/ MESIN
1	UTHM Kampus Induk Parit Raja dan UTHM Kampus Cawangan Pagoh	i. Mesin Layan Diri Minuman (Air mineral, minuman botol/tin/kotak/susu UHT, jus dll) ii. Mesin Layan Diri Kombo (Air mineral, minuman botol/tin/kotak, makanan ringan dan makanan ready to eat) iii. Mesin Layan Diri Bancuh Air Panas dan Sejuk (kopi, teh, coklat dll) iv. Mesin Layan Diri Makanan Ready to Eat (sandwich, nasi lemak, spaghetti dll) v. Mesin Layan Diri Keperluan Harian / Kesihatan (Produk penjagaan diri, toiletries, ubat-ubatan dll) vi. Mesin Layan Diri Pelbagai (Pakaian, tuala, beg, cenderamata, alat tulis, buku, aksesori gadget dll) vii. Mesin Layan Diri Kitar Semula/Kombo (Kertas, minyak, botol plastik, tin dll/ makanan dan minuman)	RM300.00

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

SYARAT AM:

1. Warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas.
2. Memiliki pengalaman 3-5 tahun ke atas dalam bidang perniagaan dipilih.
3. Permohonan hendaklah melalui naskhah sebut harga yang boleh diperolehi di Pejabat Kelestarian Kewangan (PKKew) UTHM.
4. Pemohon hendaklah melengkapkan borang dan jadual seperti dalam naskhah sebut harga serta melampirkan dokumen yang dinyatakan.
5. Pemohon digalakkan untuk melampirkan kertas cadangan (sekiranya ada) sebagai lampiran sokongan.
6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat di talian 07 - 453 7953

MAKLUMAT PENTING:

Harga Naskhah Sewaan : RM 10.00
 Nama Akaun : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 Bayaran melalui portal: <https://epayment.uthm.edu.my/>
 Kategori Bayaran : Sebut harga / Tender

TARIKH MULA JUAL : 16 MAC 2026 (ISNIN)

TARIKH TUTUP / HANTAR :
01 APRIL 2026 (RABU) SEBELUM 12.00
TENGAH HARI



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ASAL

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR**

NASKAH SEWAAN PREMIS / RUANG PERNIAGAAN

**SEWAAN TAPAK DAN PERKHIDMATAN MESIN LAYAN DIRI
DI KAMPUS INDUK CAWANGAN PARIT RAJA DAN
KAMPUS CAWANGAN PAGOH**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA
BATU PAHAT, JOHOR.**

**NO. RUJUKAN :
UTHM.PKKew/01/2026**

**TARIKH JUAL : 16 MAC 2026 (ISNIN)
TARIKH TUTUP / HANTAR : 01 APRIL 2026 (RABU)
12.00 TENGAH HARI**

HARGA : RM10.00

**Pejabat Kelestarian Kewangan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat, Johor.**

SURAT AKUAN PEMBIDA

UTHM.PKKew/01/2026

**PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA BAGI SEWAAN TAPAK DAN PERKHIDMATAN MESIN
LAYAN DIRI DI KAMPUS INDUK CAWANGAN PARIT RAJA DAN
KAMPUS CAWANGAN PAGOH**

Saya, nombor K.P yang mewakili
(.....) nombor pendaftaran (.....)
MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang
mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana **Pejabat Kelestarian Kewangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Pejabat Kelestarian Kewangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Universiti yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang

berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,
Tandatangan :

Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN SEWAAN PREMIS / RUANG PERNIAGAAN DI UNIVERSITI
TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

Nota: Dokumen seperti di bawah perlu dikemukakan bersama naskhah sebut harga sebanyak satu (1) salinan.

Bil.	Perkara	Catatan	Ditanda Oleh Pemohon (✓)
1.	Resit Rasmi Pembelian Naskhah Sebut Harga	Wajib	
2.	Borang Permohonan Sewaan Premis / Ruang Perniagaan	Wajib	
Dokumen Sokongan			
3.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon (depan & belakang)	Wajib	
4.	Salinan Kad Pengenalan Penjamin (depan & belakang)	Wajib	
5.	Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/Syarikat/Pertubuhan (SSM/ROS)	Wajib	
6.	Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Jika Ada	
7.	Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF)	Jika Ada	
8.	Sijil Pengkhususan / Sijil Penghargaan: i. Sijil Penghargaan / Pengesahan Perkhidmatan Daripada Agensi Berkaitan ii. Lain-lain yang berkaitan	Wajib/Jika Ada	
9.	Penyata Akaun Bank Tiga (3) Bulan Yang Terkini (Individu / Syarikat)	Wajib	
Jadual			
10.	JADUAL 1(A)	Senarai Jenis Gerai Jualan (Bagi Kafeteria Berkonsep Konsortium Sahaja)	Tidak berkaitan
11.	JADUAL 1(B)	Jadual Harga	Wajib
12.	JADUAL 2	Senarai Peralatan dan Kelengkapan Yang Akan Disediakan	Tidak berkaitan
13.	JADUAL 3	Cadangan Kemudahan/Fasiliti Tambahan	Tidak berkaitan
14.	JADUAL 4	Borang Pembahagian Kerja dan Kakitangan	Tidak berkaitan
15.	JADUAL 5(A)	Senarai Perkhidmatan Yang Berkaitan dan Telah Dijalankan	Wajib
16.	JADUAL 5(B)	Senarai Perkhidmatan Yang Berkaitan dan Sedang Dijalankan	Wajib
17.	JADUAL 6	Penyelenggaraan dan Pembersihan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>)	Wajib

Cop Syarikat:

SPESIFIKASI

TABLE COPY

BIL	SPESIFIKASI
1.	1.1 PERKARA Penyewaan Tapak dan Perkhidmatan Mesin Layan Diri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh bagi tempoh Tiga (3) Tahun. 1.2 ARAHAN Pengusaha hendaklah mematuhi spesifikasi terperinci yang disediakan di bawah tanpa sebarang pengurangan atau perubahan.

BIL	SPESIFIKASI
2.	2.1 PERIHAL Penyewaan Tapak dan Perkhidmatan Mesin Layan Diri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh bagi tempoh Tiga (3) Tahun

BIL	SPESIFIKASI
3.	3.1 KEPATUHAN KEPADA SPESIFIKASI i. Syarikat / Pembida yang ingin menyertai sebut harga ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mesin layan diri yang dibekalkan memenuhi semua spesifikasi teknikal, piawaian keselamatan dan keperluan operasi sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga. 3.2 KADAR SEWAAN DAN DEPOSIT KONTRAK i. Kadar sewaan bagi satu (1) unit mesin layan diri adalah RM300.00 / bulan termasuk caj utiliti. ii. Pihak Syarikat yang berjaya dilantik dikehendaki membuat pembayaran deposit berjumlah tiga (3) bulan sewaan. iii. Deposit kontrak ini hanya akan dikembalikan selepas kontrak tamat dan pihak Syarikat telah menyelesaikan semua tunggakan dengan pihak Universiti. iv. Pihak Syarikat dikehendaki membayar kadar sewaan tapak bulanan seperti yang tertera di dalam kontrak sewaan pada atau sebelum 7 haribulan pada setiap bulan dengan menggunakan perkhidmatan atas talian atau cek bayaran 'Pre post dated' di atas nama Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. v. Kegagalan pihak Syarikat untuk membayar sewaan tapak melebihi tiga (3) bulan akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil oleh pihak Universiti. vi. Kadar Sewa adalah tidak termasuk peralatan dan pengusaha dikehendaki menyediakan segala kemudahan dan peralatan sendiri untuk bagi membolehkan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) beroperasi dengan baik dan lancar. Segala peralatan mestilah diperbuat dari bahan 'stainless steel' atau tidak mudah berkarat. vii. Tempoh Kontrak Sewaan dan Perkhidmatan Mesin Layan Diri ini adalah tiga (3) tahun. viii. Sekiranya pihak Syarikat gagal untuk membekalkan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Universiti, penawaran kontrak akan terbatal.

3.3 LOKASI

- i. Bilangan dan lokasi penempatan mesin layan diri bagi syarikat yang berjaya akan ditentukan dan diperincikan selepas dipersetujui oleh pihak Universiti.
- ii. Syarikat yang berjaya hendaklah menempatkan bilangan dan lokasi mesin layan diri mengikut kelulusan yang diberikan oleh pihak Universiti.

3.4 KAEDAH PEMBAYARAN URUSNIAGA

- i. Pihak syarikat hendaklah menyediakan kaedah pembayaran secara tunai dan tanpa tunai (*cashless*) bagi setiap Mesin Layan Diri yang dipasang.
- ii. Setiap Mesin Layan Diri hendaklah dilengkapi dengan pembaca wang kertas dan syiling yang mampu menerima pelbagai denominasi mata wang tempatan.
- iii. Setiap Mesin Layan Diri juga hendaklah menyokong kaedah pembayaran menggunakan kad debit/kredit atau e-wallet seperti QR Code (contoh : DuitNow, Touch 'n Go, GrabPay dll.)

3.5 JUALAN DAN SENARAI BAHAN YANG DIJUAL

- i. Pihak Syarikat dikehendaki menyenaraikan dengan terperinci harga jualan bagi setiap produk yang dijual pada mesin layan diri dalam Jadual 1.
- ii. Syarikat dilarang menjual bahan-bahan yang **Tidak Halal, bahan-bahan yang telah tamat tarikh luput dan yang dilarang penjualannya** oleh Kerajaan dan juga bahan-bahan yang tidak disenaraikan dalam perjanjian tanpa mendapat kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu.
- iii. Harga barangan jualan dan tanda harga hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang strategik dan mudah di lihat oleh pelanggan. Sebarang kenaikan harga makanan dan minuman tidak dibenarkan dan sebarang perubahan perlu mendapatkan kelulusan pihak Universiti.

3.6 RUANG NIAGA

- i. Pihak Syarikat tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan struktur bangunan tanpa kelulusan pihak Universiti.
- ii. Semua kerosakkan yang berlaku dalam premis ruang niaga yang melibatkan kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti hendaklah dilaporkan secara bertulis.
- iii. Sekiranya kerosakkan adalah berpunca dari kecuaihan pihak Syarikat, kos pembaikan akan ditanggung oleh pihak Syarikat.
- iv. Pihak Syarikat **tidak dibenarkan membuat sub-kontrak** tanpa kebenaran pihak Universiti. Sekiranya perniagaan lain yang dibuat dan menimbulkan kecurigaan di mana terdapat perbuatan sub-kontrak tanpa kebenaran maka pihak Universiti berhak menamatkan tawaran/ kontrak tersebut dengan serta-merta.
- v. Pihak Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan ruangan Mesin Layan Diri.

- vi. Pendawaian elektrik bagi pemasangan Mesin Layan Diri hendaklah dikonduit dengan menggunakan *galvanised iron pipe* dan tidak mengamalkan sambungan banyak (*octopus fitting*) bagi mengelak berlaku lintar pintas.
- vii. Kebersihan seperti titisan air yang berada didalam ruang Mesin Layan Diri perlu dijaga dengan rapi.

3.7 WAKTU OPERASI

- i. Pengusaha hendaklah memastikan waktu operasi Mesin Layan Diri adalah 24 jam bagi memastikan minuman/ makanan tidak rosak.
- ii. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan kutipan hasil dari Mesin Layan Diri dijalankan dengan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak Syarikat.
- iii. Pihak Syarikat hendaklah memastikan mesin layan diri tidak rosak melebihi daripada 14 hari selepas laporan kerosakan diterima.

BIL	SPESIFIKASI
4.	4.1 SKOP PERKHIDMATAN i. Pihak Syarikat perlu menyediakan perkhidmatan makanan/minuman untuk warga Universiti mengikut: a) Akta Makanan 1983 b) Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) c) Garis Panduan Amalan Pengilangan yang baik (GMP) d) Peraturan Pengendali Makanan UTHM ii. Pengusaha Mesin Layan Diri adalah dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku keracunan makanan yang disahkan oleh pihak berkuasa berpunca daripada minuman/makanan daripada Mesin Layan Diri.

BIL	SPESIFIKASI
5.	5.1 PENYEDIAAN PRODUK DAN JENIS MESIN LAYAN DIRI 5.1.1 Produk dan jenis Mesin Layan Diri yang boleh ditawarkan oleh pihak Syarikat adalah seperti berikut : i. Mesin Layan Diri Minuman (Air mineral, minuman botol/tin/kotak/susu UHT, jus dll) ii. Mesin Layan Diri Kombo (Air mineral, minuman botol/tin/kotak, makanan ringan dan makanan <i>ready to eat</i>) iii. Mesin Layan Diri Bancuh Air Panas dan Sejuk (kopi, teh, coklat dll) iv. Mesin Layan Diri Makanan <i>Ready to Eat</i> (sandwich, nasi lemak, spagetti dll) v. Mesin Layan Diri Keperluan Harian / Kesihatan (Produk penjagaan diri, <i>toiletries</i>, ubat-ubatan dll) vi. Mesin Layan Diri Pelbagai (Pakaian, tuala, beg, cenderamata, alat tulis, buku, aksesori gadget dll)

	vii. Mesin Layan Diri Kitar Semula/Kombo (Kertas, minyak, botol plastik, tin dll/ makanan dan minuman) 5.1.2 Setiap bekalan minuman/makanan perlu mempunyai tarikh luput dan pihak Syarikat adalah bertanggungjawab memastikan setiap minuman/makanan tidak melepasi tiga (3) bulan dari TARIKH LUPUT. 5.1.3 Pihak syarikat hendaklah bertanggungjawab terhadap ganti rugi sekiranya barangan yang dijual rosak dan dituntut oleh pihak pembeli.
--	--

BIL	SPESIFIKASI
6.	6.1 PELETAKAN MESIN i. Mesin Layan Diri makanan atau minuman hendaklah diletakkan di kawasan yang sesuai bagi melindungi hasil di dalam mesin daripada apa-apa pencemaran dan makanan atau minuman itu pasti bersih dan makanan/ minuman perlu disusun kemas sepanjang masa. ii. Ruang di sekeliling dan di bawah Mesin Layan Diri makanan atau minuman itu mudah dicapai untuk dicuci dan tidak menjadi tempat bersarang perosak. iii. Lantai di mana Mesin Layan Diri makanan atau minuman itu dimaksudkan untuk dipasang, diperbuat daripada bahan rata tidak telap air yang mudah dicuci dan dapat tahan cucian dan sentalan yang berulang-ulang. iv. Penempatan Mesin Layan Diri di bawah <i>aircond compressor</i> tidak dibenarkan bagi mengelakkan lintar pintas. v. Mana-mana Syarikat pengendali Mesin Layan Diri makanan atau minuman yang tidak mematuhi perkara 6 (i) hingga (iv) boleh dikenakan tindakan oleh pihak Universiti.

BIL	SPESIFIKASI
7.	7.1 PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN LAYAN DIRI i. Nama, alamat berdaftar syarikat dan nombor telefon untuk dihubungi hendaklah dilabelkan pada setiap Mesin Layan Diri. ii. Kawasan persekitaran di mana Mesin Layan Diri itu ditempatkan dikekalkan bersih, kemas dan bebas daripada perosak. iii. Pihak Syarikat hendaklah membersihkan segala sampah selepas penyelenggaraan atau sampah pengisian makanan dari lokasi Mesin Layan Diri dan dibuang sendiri ke tempat pelupusan sampah. iv. Pihak Syarikat hendaklah menyediakan Jadual Penyelenggaraan dan Pembersihan seperti di Jadual 3. v. Mesin Layan Diri makanan yang mendispens makanan yang mudah rosak dilengkapi dengan peranti kawalan suhu bagi memastikan makanan itu dikekalkan pada suhu yang sesuai. (Jika ada). vi. Semua susu atau hasil susu bendalir didispenskan dalam bekas individu asal. (Jika ada) vii. Ketuhar gelombang mikro yang digunakan bersama-sama dengan Mesin Layan Diri makanan. (Jika ada)

- viii. Dibersihkan kaviti dan bukaan pintu sekurang-kurangnya sekali sehari dengan pencuci tanpa bahan kimia. (Jika ada)
- ix. Dikekalkan daripada longgokan gris yang menjadi kerak dan pencemaran yang lain. (Jika ada)

BIL	SPESIFIKASI
8.	8.1 KEPERLUAN AM 8.1.1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA Pembida / Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) (jika ada) . 8.1.2 PENILAIAN KEWANGAN Pembida / Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah melampirkan penyata bank 3 bulan terkini. 9.1 LAIN-LAIN 9.1.1 Tempoh sah laku sebut harga bagi perkhidmatan Mesin Layan Diri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga. 9.1.2 Pihak Syarikat perlu mengemukakan data laporan jualan pada setiap bulan kepada Pihak Universiti melalui kaedah yang ditetapkan. 9.1.3 Pelanggaran ke atas mana-mana syarat perjanjian tawaran ini boleh menyebabkan tindakan diambil untuk menamatkan perjanjian kontrak. 9.1.4 Pihak Syarikat perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa. 9.1.5 Keputusan tawaran ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.